

19 MAY 2001

MIC-Samy (Ekonomi)

MIC RAYU LANGKAH KONKRIT UNTUK REALISASI SASARAN RRJP3

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini merayu kepada kerajaan supaya mengambil langkah-langkah konkrit untuk merealisasi sasaran yang ditetapkan bagi masyarakat India dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

RRJP3 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat pada 3 April lepas, antara lain meminta pegangan ekuiti masyarakat India dinaikkan daripada 1.5 peratus pada masa ini kepada 3 peratus dalam tempoh 10 tahun RRJP3 itu.

Semasa bercakap mengenai "Satu Agenda Bagi Dekad Baru" di perasmian perhimpunan agung MIC ke 55 di sini, Samy Vellu juga mengumumkan satu siri program yang diusahakan oleh MIC yang akan membantu merealisasi sasaran dalam RRJP3 dan RMK-8.

Ini termasuk menganjurkan Kongres Ekonomi India Malaysia, penubuhan Unit Penasihat Perniagaan India (IBAU) dan sebuah Pusat Maklumat mengenai tabungan dan pelaburan pada masyarakat itu.

Perhimpunan dua hari itu dirasmikan oleh Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Samy Vellu berkata kongres yang akan dirasmikan oleh Dr Mahathir itu akan menetapkan agenda bagi membangunkan strategi yang perlu dalam merealisasi RRJP3 dan RMK8.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan kerajaan kerana menyediakan kenyataan dasar yang jelas dalam RRJP3 dan RMK8.

Mengenai IBAU, beliau berkata ia akan membantu masyarakat peniaga India khususnya pelbagai persatuan perniagaan mengenai isu-isu yang dihadapi oleh mereka seperti keperluan buruh, permit, pinjaman dan dasar-dasar.

"MIC akan terus mengemukakan cadangan-cadangan bernas kepada Kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan," katanya.

Bagi Pusat maklumat itu pula, Samy Vellu berkata ia akan membolehkan keluarga dan masyarakat untuk menguruskan dana mereka dengan cekap.

"Objektifnya ialah mengambil kesempatan daripada potensi masyarakat," katanya.

Samy Vellu berkata tahap penyertaan yang rendah oleh masyarakat India dalam sektor ekonomi membimbangkan MIC dan masyarakat itu.

"Sementara masyarakat India di Malaysia telah menikmati sedikit sebanyak kejayaan dalam bidang perniagaan tradisional, secara keseluruhannya mereka masih ketinggalan berbanding masyarakat-masyarakat lain di Malaysia," katanya.

Beliau berkata peniaga-peniaga India dalam sektor tradisional seperti perniagaan makanan di gerai dan restoren, perniagaan logam, kedai emas, tekstil, percetakan, perniagaan pengangkutan kecil, kedai gunting rambut dan pasar mini sedikit sebanyak berjaya dalam perniagaan mereka.

"Tetapi perniagaan-perniagaan ini mengharungi laluan yang sukar dengan para peniaga mendapati sukar untuk mengembangkan perniagaan khasnya kerana kekurangan dana," kata beliau.

Selain daripada capaian kepada modal, masalah mendapatkan buruh juga menyekat perkembangan ahli-ahli perniagaan India.

"Kekurangan buruh di negara ini ditambah lagi dengan undang-undang imigresen yang tegas menyukarkan perniagaan-perniagaan berintensifkan buruh untuk mendapatkan tenaga kerja yang cukup," kata beliau.

Menurut beliau lagi dengan ekonomi Malaysia beralih daripada yang

berasaskan kepada pengeluaran kepada yang berasaskan pengetahuan, maka adalah lebih penting untuk meningkatkan daya saing peniaga-peniaga India supaya mereka dapat mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru di peringkat tempatan dan global.

-- BERNAMA

ES ES PR